

# Golongan berpendapatan rendah guna banyak air semasa cuaca panas: Kajian



**'PENDINGIN' BADAN:** Golongan berpendapatan rendah cenderung menggunakan lebih banyak air semasa cuaca panas. – Foto ECOCAMEL

APABILA suhu cuaca meningkat, keluarga berpendapatan rendah cenderung menggunakan jumlah air yang lebih tinggi, sementara keluarga berpendapatan tinggi pula menggunakan lebih banyak elektrik, menurut satu kajian setempat.

Kajian itu meninjau bil air dan elektrik sekitar 130,000 keluarga yang tinggal dalam apartmen dari September 2012 hingga Disember 2015.

Ia mendapati bahawa dengan suhu cuaca yang bertambah 1 darjah Celsius, keluarga yang tinggal dalam apartmen dua bilik menambah penggunaan air sebanyak sembilan liter sehari.

Sepanjang kajian itu, kurang daripada seperlima apartmen dua bilik mempunyai alat penghawa dingin.

Bagaimanapun, senario agak berbeza berlaku dalam keluarga lebih berada.

Secara perbandingan, cuaca panas menambah permintaan elektrik tetapi tiada banyak perubahan dalam penggunaan air bagi keluarga berpendapatan tinggi.

Ini termasuk mereka yang tinggal dalam apartmen lima atau enam bilik – termasuk flat eksekutif dan kondominium – di mana alat penghawa dingin banyak dipasang.

Keluarga tersebut dianggar menambah penggunaan elektrik sekitar dua kilowatt jam sehari apabila suhu cuaca bertambah 1 darjah Celsius.

Ini sejajar dengan pertambahan penggunaan satu unit alat penghawa dingin selama dua jam setiap hari.

Kajian itu dijalankan Profesor Madya Alberto Salvo, dari Jabatan Ekonomi di Universiti Nasional Singapura (NUS).

Dapatan beliau itu diterbitkan dalam jurnal *Nature Communications* semalam.

“Sedang kami menyaksikan perubahan suhu yang mendadak dan hujan yang tidak menentu, kajian itu boleh menyumbang kepada ramalan memperbaiki permintaan air dan elektrik dalam bandar yang kekurangan air dalam Asia, di mana pendapatannya bertambah,” kata beliau.

“Ini akan dapat menyelaras rekaan lebih baik dan peruntukan grid air serta elektrik.

“Alat penghawa dingin dikuasakan elektrik yang dihasilkan daripada pembakaran bahan api fosil, boleh menjejaskan sekitaran, namun satu faedahnya ialah ia mungkin dapat mengurangkan permintaan air dalam keluarga apabila mereka mahu menyejukkan badan semasa cuaca panas.”

Kajian masa lalu mendapati penduduk dalam flat satu atau dua bilik mempunyai kadar pendapatan keluarga tahunan AS\$9,300 (\$12,745) bagi setiap orang, dan mereka yang menggunakan alat hawa dingin hanyalah sekitar 14 peratus.

Di satu sudut berasingan, apartmen kondominium dikategorikan sebagai keluarga dengan kadar pendapatan AS\$68,900 setiap seorang, dan mereka yang menggunakan alat penghawa dingin pula ialah sekitar 99 peratus.

Sebagai menambah nilai kepada bukti pemantauan daripada kajian itu, seramai 300 orang yang tinggal dalam apartmen turut ditinjau pada September berkaitan sikap mereka semasa perlu menyejukkan badan.

Menurut kajian itu, sekitar 39 peratus responden berkata mereka mandi lebih kerap dan lebih lama semasa hari panas, sedang 36 peratus pula berkata mereka akan menghidupkan alat penghawa dingin.